

Perdana Menteri nasihatkan ahli Pas bubar parti

BH 22 SEP 1990

CHANGLOON, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihatkan ahli Pas supaya membubarkan saja parti itu kerana Pas kini sudah tidak wujud lagi.

"Pas sekarang cuma tinggal bayang-bayang yang dipimpin oleh orang yang tidak berpegang sama sekali terhadap prinsip perjuangan parti.

"Kalau keadaan Pas macam itu, lebih baik tidak ada parti kerana ini akan memecahbelahkan orang Melayu," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan rakyat di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, perpecahan orang Melayu yang menjadi tulang belakang kerajaan, akan hanya melemahkan

bangsa Melayu.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, Umno tidak perlu mengadakan rundingan damai dengan Pas kerana Umno sudah dan masih membuka pintunya bagi menerima ahli Pas atau Semangat 46 untuk mengukuhkan perpaduan Melayu.

Dalam ucapannya pula, Perdana Menteri berkata, ahli Pas perlu mempersoalkan tindakan pemimpin parti itu bekerjasama dengan DAP, termasuk menyokong perlantikan Encik Lim Kit Siang, menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Beliau percaya ramai bakal calon Pas akan kecewa kerana pemimpin Pas sekarang 'menjual' sebahagian kawasan parti

itu kepada Semangat 46 dan DAP dalam pilihanraya akan datang.

Di majlis itu, Perdana Menteri juga menasihatkan penduduk keturunan lain, seperti India dan Thai, supaya berterima kasih kerana dapat tinggal di negara ini secara aman.

Menurutnya, penduduk pelbagai kaum dan agama di negara ini bukan saja dapat hidup berbaik-baik, malah amalan kasta di kalangan orang India juga tidak diamalkan di Malaysia.

"Bagi rakyat keturunan Thai pula, kerajaan banyak memberi pertolongan, termasuk membenarkan rakyat berkenaan membeli Amanah Saham Nasional (ASN), berbanding pada masa lalu.

"Ini bermakna kerajaan mengambil kira kepentingan semua kaum di negara ini. Mereka sepatutnya memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN)," katanya.

Sementara itu, dalam perjumpaan dengan pemimpin masyarakat di Kubang Pasu malam tadi, Perdana Menteri berkata, BN menerima semua parti yang mewakili pelbagai kaum kerana tidak tamakkan kuasa.

"Kita lakukan ini untuk kepentingan bersama supaya dapat memberi tumpuan terhadap pembangunan negara.

"Kita juga bernasib baik kerana politik negara bukan politik berkelahi dan BN menyelesaikan sebarang masalah secara aman," katanya.